

Kebolehpasaran Graduan Kolej Komuniti Kuala Langat

BITARAVolume 1, Issue 3, 2018: 043-052
© The Author(s) 2018
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>

[The Marketability of Kuala Langat Community College Graduates]

Siti Nor Hayati M. Yusop¹ & Karimah Umar¹

Abstrak

Kajian Pengesanan Graduan Kolej Komuniti Kuala Langat ini merupakan kajian tahunan bagi mengenal pasti status graduan dalam tempoh enam bulan setelah menamatkan pengajian serta persepsi graduan terhadap aspek utama perkhidmatan yang dikaji meliputi aspek kurikulum, sistem penilaian, tenaga pengajar dan kemudahan prasarana. Seramai 350 orang graduan yang menamatkan pengajian yang tahun 2015 hingga 2016 dan konvokesyen pada September 2017 dipilih sebagai responden dalam kajian ini. Instrumen kajian yang digunakan adalah soal selidik yang dilengkapi secara atas talian oleh responden dan dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Science (SPSSV20)*. Data bagi kajian ini dianalisis secara analisis deskriptif dalam bentuk min dan peratusan. Hasil kajian mendapati kadar kebolehpasaran graduan KKKL meningkat sebanyak 6% iaitu 93% dari tahun 2013 kepada 99% bagi tahun 2017. Dari jumlah itu, 76% (266 orang graduan) telah mendapatkan pekerjaan dan 23% (81 orang graduan) telah berjaya melanjutkan pengajian. Manakala 1% mewakili 3 orang graduan masih belum memperoleh pekerjaan. Hasil dapatan indeks kepuasan mendapati graduan turut amat berpuashati dengan aspek perkhidmatan sepanjang tempoh pengajian mereka di Kolej Komuniti Kuala. Secara keseluruhannya, kebolehpasaran graduan Kolej Komuniti Kuala Langat adalah pada tahap amat baik dan perlu dikekalkan. Program-program pembangunan kerjaya dan latihan industri di Kolej Komuniti Kuala Langat perlulah dipelbagaikan dalam memastikan pelajar bersedia untuk meneroka alam pekerjaan dan diterima oleh pihak majikan. Selain itu, pelajar perlu dilengkapi dengan kemahiran keusahawanan sebagai nilai tambah agar tidak terlalu bergantung kepada peluang pekerjaan semata-mata.

Kata Kunci

Graduan, Kebolehpasaran, Kolej Komuniti Kuala Langat.

Abstract

The Kuala Langat Community College Graduate Tracking Research is an annual report to determine the status of students within six months of graduation and graduates' perception of key aspects of their programmes, including curriculum, evaluation processes, teaching staff and facilities. The respondents of the study were selected from a total of 350 graduates who graduated from 2015 to 2016 and convened in September 2017. An online questionnaire was used by the respondents as the research instrument and analyzed using the Social Science Statistical Package (SPSSV20) program. The data for this study was analyzed using a descriptive analysis in terms of mean and percentage. The findings showed that the KKKL graduation rate rose by 6 per cent from 93 per cent in 2013 to 99 per cent in 2017. Of these, 76% (266 graduates) have secured a job and 23% (81 graduates) have concluded their studies, while 1% represents 3 graduates who are unable to get a job. The satisfaction index results show that graduates are also very pleased with the service element of their studies at the

¹ Kolej Komuniti Kuala Langat, Selangor, Malaysia.

Corresponding Author:

SITI NOR HAYATI M. YUSOP, Kolej Komuniti Kuala Langat, Selangor, Malaysia.
E-mail: hayati_yusop@kkkla.edu.my

Kuala Community College. Overall, the marketability of Kuala Langat Community College graduates is excellent and must be sustained. Career growth and vocational training programs at Kuala Langat Community College should be diversified to ensure that students are prepared to enter the job market and are welcomed by their employers. In addition, students must be prepared with entrepreneurial skills as an added advantage and not be too reliant on job opportunities alone.

Keywords

Graduates, Marketability, Kuala Langat Community College.

Cite This Article:

Siti Nor Hayati M. Yusop & Karimah Umar. 2018. Kebolehpasaran graduan Kolej Komuniti Kuala Langat. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 1(3): 043-052.

Pengenalan

Kehadiran Revolusi Industri 4.0 (Industri 4.0) yang menekankan pembinaan teknologi realiti maya tanpa banyak menggunakan tenaga manusia memberikan kesan terhadap pelbagai aspek kehidupan. Dalam konteks ini, pendidikan tinggi adalah antara bidang cukup penting yang tidak ketinggalan menerima impak perkembangan terbaru ini. Oleh itu, amat penting untuk memastikan negara bersedia melahirkan graduan memiliki pemikiran kritis dan mampu mengadaptasi perubahan ini.

Sejajar dengan aspirasi dan visi Transformasi Nasional 2050 atau TN50, tumpuan khusus diberikan kepada Industri 4.0, dalam usaha mewujudkan tenaga buruh yang berdaya saing di peringkat global. Dalam menuju sebuah negara maju berpendapatan tinggi, kerajaan komited menganjukkan sekurang-kurangnya lima lonjakan transformasi TVET. Lonjakan pertama adalah untuk melatih dan meningkatkan tenaga mahir tempatan secara berterusan bagi menjadikan mereka kompetitif, berpeluang memiliki pekerjaan dan pendapatan yang lumayan serta menikmati taraf hidup yang lebih baik. Melalui program pendidikan dan latihan yang dilaksanakan di institusi TVET, kerajaan berhasrat untuk melatih 300,000 rakyat Malaysia daripada golongan B40 dari tempoh sekarang sehingga tahun 2025 (BH Online 2018).

BH Online 20 Februari 2018 turut menyatakan statistik Kajian Pengesanan Graduan 2017 yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi, didapati kadar kebolehpasaran graduan pelajar institusi pendidikan tinggi (IPT) di negara ini untuk tahun 2017 ialah 79.1 peratus menyaksikan peningkatan sebanyak 1.8 peratus berbanding 77.3 peratus pada 2016. Kebolehpasaran graduan kolej komuniti pula mencatat kadar 97.2 peratus berbanding 91.2 peratus pada 2013, iaitu peningkatan enam peratus. Ini membuktikan kemajuan pendidikan kemahiran yang ditawarkan di kolej komuniti seiring dengan agenda TVET. Penawaran kursus berasaskan revolusi industri keempat (4IR) di kolej komuniti amat sesuai dengan strategi bagi menarik pelabur asing datang ke Malaysia dan ini akan membantu meningkatkan lagi kebolehpasaran graduan kolej komuniti dari semasa ke semasa.

Kementerian Pendidikan Tinggi telah melaksanakan banyak transformasi pendidikan tinggi sejajar Revolusi Perindustrian Keempat (Industri 4.0) yang berlaku di peringkat global dengan mereka bentuk sistem pendidikan tinggi bertepatan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2015-2025 (Pendidikan Tinggi). Antaranya adalah memperkenalkan Purata

Nilai Gred Keseluruhan Berintegrasi (iCGPA) dan Ketua Pegawai Eksekutif Fakulti (CEO) atau CEO@Fakulti di Universiti Awam (UA).

Pernyataan Masalah

Pelbagai pendekatan baharu telah diambil oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dalam usaha meneruskan program pengajian TVET selain mahu mengadaptasi Industri 4.0 dalam bidang pendidikan negara. Antaranya dengan menamatkan kursus sedia ada yang kurang relevan dan menambah kursus Revolusi Industri 4.0 (Industri 4.0) bagi semua bidang kurang relevan di peringkat institusi pengajian tinggi. Susulan itu juga, kurikulum yang tidak relevan akan dikenal pasti untuk dijumpukan (*BH Online* 2017). Penambahbaikan sistem penyampaian kurikulum turut mengalami transformasi ke arah penggunaan teknologi tinggi seperti *blended learning* (jaringan pembelajaran) dan sesi pendidikan dengan bantuan robotik. Ia turut dilaksanakan menerusi kaedah adaptasi permainan maya, hologram, realiti maya (VR), realiti berperantara (AR), pengguna visual, simulasi dan penerokaan internet. Ia turut dilaksanakan melalui pendekatan industri dan akademi, sekali gus memusnahkan tembok pemisah yang selama ini merencatkan proses padanan sektor pekerjaan di samping mengubah cara dan ruang pembelajaran, penilaian tanpa peperiksaan dan pelbagai kaedah lain bersesuaian.

Sejauh mana transformasi KPT ini dapat memastikan Kolej Komuniti terus relevan dengan perkembangan industri semasa dan mampu melonjak peratusan kebolehpasaran graduan masih lagi menjadi satu persoalan selagi graduan itu sendiri gagal memanfaatkan usaha yang dilakukan ini. Graduan perlu memastikan mereka sudah bersedia untuk memasuki alam pekerjaan, cukup ilmu dan kemahiran yang diperlukan oleh majikan termasuklah memilih samada ingin makan gaji ataupun menjadi seorang usahawan. Segulung ijazah belum menjamin sebarang pekerjaan dan masih belum mampu meyakinkan majikan yang mahukan pekerja dengan pelbagai kemahiran yang luar biasa terutamanya yang tidak ada dalam buku teks dan tidak dipelajari dalam bilik kuliah.

Kajian mengenai kebolehpasaran siswazah pada masa kini adalah sangat penting kerana ianya dapat memberi banyak faedah bukan sahaja kepada institusi pengajian tinggi tempatan di Malaysia tetapi juga di kalangan siswazah sendiri. Antara faktor kritikal yang boleh mempengaruhi peluang untuk mendapatkan pekerjaan termasuklah tahap kualiti pendidikan, kesediaan majikan untuk mengambil graduan tempatan, pertumbuhan dan pembangunan ekonomi Malaysia dan kualiti graduan itu sendiri (Muhammad Hazrul 2012),

Menurut Shaharuddin Ahmad et al (2011), kebolehpasaran seseorang graduan adalah berbeza sifat dan darjahnya. Bidang ilmu yang dipelajari, pencapaian akademik, kemahiran insaniah dan faktor peribadi adalah antara faktor-faktor kebolehpasaran graduan. Nooriah Yusof et al (2013) turut menyatakan bahawa kebanyakan graduan yang keluar dari institusi pengajian tinggi tidak berupaya memenuhi kehendak majikan dari segi kemahiran insaniah dan kebolehkerjaan. Ini menunjukkan kemahiran insaniah merupakan antara faktor utama yang dikaitkan dengan isu kebolehpasaran graduan dan pendapat ini dipersetujui oleh kebanyakan pengkaji. Persaingan yang terlampau sengit pada hari ini, ditambah dengan lambakan graduan setiap tahun menyebabkan penawaran dalam pekerjaan semakin kurang. Dengan memiliki kemahiran insaniah yang tinggi, graduan mempunyai kelebihan dan nilai tambah dalam diri bagi mencari pekerjaan.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji kebolehpasaran graduan Kolej Komuniti Kuala Langat 2017 dan mengenal pasti :

- a. Status graduan dalam tempoh enam bulan selepas graduasi
- b. Tempoh graduan mendapatkan pekerjaan
- c. Pendapatan bulanan graduan yang bekerja
- d. Status graduan yang melanjutkan pengajian
- e. Kecenderungan graduan untuk melanjutkan pengajian.
- f. Tahap kepuasan graduan terhadap aspek perkhidmatan meliputi kurikulum, sistem penilaian, tenaga pengajar, dan kemudahan prasarana.

Persoalan Kajian

Manakala persoalan kajian adalah:

- a. Apakah status graduan enam bulan setelah tamat pengajian pada tahun 2017?
- b. Berapakah tempoh masa graduan mendapatkan pekerjaan?
- c. Berapakah pendapatan bulanan graduan yang telah mendapat pekerjaan ?
- d. Berapa bilangan pelajar yang melanjutkan pengajian?
- e. Apakah kecenderungan graduan yang melanjutkan pengajian?
- f. Apakah tahap kepuasan graduan terhadap aspek perkhidmatan meliputi kurikulum, sistem penilaian, tenaga pengajar, dan kemudahan prasarana?

Skop Kajian

Kajian ini melibatkan seramai 350 orang graduan yang telah menamatkan pengajian di Kolej Komuniti Kuala Langat, Selangor bagi tahun 2015 hingga 2016 dan menghadiri konvokesyen pada tahun 2017. Manakala jumlah responden yang menjawab Kajian Pengesanan Graduan 2017 bagi Kolej Komuniti Kuala Langat ini ialah seramai 350 orang.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dengan menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian yang dibina oleh Bahagian Perhubungan Industri dan Pengkomersilan Jabatan Pengurusan IPT, Kementerian Pendidikan Malaysia. Ia dijalankan secara atas talian (*online*) sebulan sebelum berlangsungnya majlis konvokesyen mengikut zon/wilayah kolej. Para graduan perlu mengisi borang soal selidik ini dan membawa slip tersebut di hari konvokesyen sebagai bukti soal selidik telah lengkap dijawab. Borang soal selidik merangkumi tujuh bahagian utama, iaitu:

- a. Latar belakang graduan.
- b. Pengalaman semasa mengikuti pengajian di institusi.
- c. Keberkesanan sistem pengajaran dan kesediaan diri.
- d. Melanjutkan pengajian.
- e. Status terkini.
- f. Bekerja.
- g. Belum/tidak bekerja/lain-lain.

Data daripada soal selidik yang diperoleh dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for the Social Sciences versi 20 (SPSSv20). Data yang diperolehi ditunjukkan dalam bentuk min dan frekuensi (peratus). Bagi menerangkan data dengan lebih jelas penyelidik memaparkan data melalui kaedah jadual dan graf. Penyelidik telah menggunakan Skala Likert 5 mata bagi item indeks kepuasan dalam soal selidik. Mata yang tertinggi adalah 5 sementara yang paling rendah adalah 1. Mata ini dikelaskan seperti berikut:

Jadual 1 Skala Likert

1	2	3	4	5
Amat Tidak Memuaskan	Tidak memuaskan	Sederhana	Memuaskan	Amat Memuaskan


Bagi menerangkan tafsiran skor min dapatan kajian indeks kepuasan graduan terhadap aspek perkhidmatan yang dinilai, jadual tafsiran skor adalah sepertimana berikut:

Jadual 2 Tafsiran skor min

1.00 – 1.80	1.81 – 2.60	2.61 – 3.40	3.41- 4.20	4.21 – 5.00
Amat Lemah	Lemah	Memuaskan	Baik	Amat Baik

Dapatan Kajian

Objektif kajian 1: Mengenal pasti apakah status graduan enam bulan setelah tamat pengajian pada tahun 2017.



Rajah 1 Kadar Kebolehpasaran Graduan KKKL 2017

Rajah di atas menunjukkan kadar kebolehpasaran graduan Kolej Komuniti Kuala Langat pada tahun 2017 secara keseluruhannya. Didapati 266 orang graduan (76%) telah mendapatkan pekerjaan dan 81 orang graduan (23%) telah berjaya melanjutkan pengajian. Manakala 1% mewakili 3 orang graduan masih belum memperoleh pekerjaan. Agihan kebolehpasaran graduan mengikut program pula ditunjukkan melalui Jadual 3 di bawah.

Jadual 3 Status Kebolehpasaran Mengikut Program Pengajian

Bil.	Program Pengajian	Status Pekerjaan						Jumlah
		Bekerja		Melanjutkan Pengajian		Belum Bekerja		
		Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	
1	SDD	23	69.7	10	30.3	0.0	0.0	33
2	SAK	61	74.4	20	24.4	1	1.2	82
3	SPL	49	80.3	11	18.0	1	1.7	61
4	SPE	102	80.3	24	18.9	1	0.8	127
5	SPP	24	66.7	12	33.3	0.0	0.0	36
6	SPR	7	63.6	4	36.4	0.0	0.0	11
	Jumlah	266	76.0	81	23.1	3	0.9	350

Jadual 3 di atas menunjukkan peratusan tertinggi bagi graduan berkerjaya iaitu 80.3% merupakan graduan dari Sijil Aplikasi Perisian Komputer (SAK) dan Sijil Pelancongan dan Pengembaraan (SPL). Graduan Sijil Rekabentuk dan Pembuatan Perabot (SRP) dan Sijil Pengoperasian Perniagaan (SPP) pula mencatatkan peratusan tertinggi bagi graduan yang melanjutkan pelajaran masing-masing 36.4% dan 33.3%. Manakala masih terdapat 1.2% graduan Sijil Pelancongan Dan Pengembaraan (SPL) dan 1.7% graduan Sijil Pemasangan Elektrik (SPE) yang masih belum bekerja.

Objektif kajian 2: Mengenalpasti berapakah tempoh masa graduan mendapatkan pekerjaan.

Jadual 4 Tempoh Responden Mendapat Pekerjaan

Bil.	Program Pengajian	Tempoh Mendapat Pekerjaan				Jumlah
		0 Hingga 6 Bulan		Tiada Maklumat		
		Bil.	%	Bil.	%	
1	SDD	22	95.7	1	4.3	23
2	SAK	59	96.7	2	3.3	61

3	SPL	47	95.9	2	4.1	49
4	SPE	96	94.1	6	5.9	102
5	SPP	22	91.7	2	8.3	24
6	SPR	6	85.7	1	14.3	7
	Jumlah	252	94.7	14	5.3	266

Hasil kajian mendapati hampir keseluruhan graduan iaitu hampir 95% telah berjaya mendapat pekerjaan dalam tempoh 6 bulan selepas menamatkan kajian mereka sepertimana Jadual 4 di atas. Ini menggambarkan graduan tiada mengalami kesukaran dalam mendapatkan pekerjaan.

Objektif kajian 3: Mengetahui berapakah pendapatan bulanan graduan yang telah mendapat pekerjaan.

Jadual 5 Pendapatan Bulanan Mengikut Program Pengajian

Program Pengajian	Pendapatan Bulanan (Termasuk Elaun)																		Jumlah	
	Rm 500 Dan Ke Bawah		Rm 501 – Rm 1 000		Rm 1 001 – Rm 1 500		Rm 1 501 – Rm 2 000		Rm 2 001 – Rm 2 500		Rm 2 501 – Rm 3 000		Rm 3 001 – Rm 4 000		Rm 4 001 – Rm 5 000		Rm 5 001 – Rm 10 000		Bil.	%
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%				
SDD	0	0.0	2	8.7	12	52.2	7	30.4	1	4.3	1	4.3	0	0.0	0	0.0	0	0.0	23	8.6
SAK	1	1.6	5	8.2	39	63.9	11	18.0	3	4.9	1	1.6	1	1.6	0	0.0	0	0.0	61	22.9
SPL	0	0.0	3	6.1	33	67.3	12	24.5	1	2.0	0	0.0	0	0.0	0	0.0	0	0.0	49	18.4
SPE	0	0.0	4	3.9	56	54.9	30	29.4	6	5.9	4	3.9	0	0.0	1	1.0	1	1.0	102	38.3
SPP	0	0.0	4	16.7	16	66.7	2	8.3	2	8.3	0	0.0	0	0.0	0	0.0	0	0.0	24	9.0
SPR	0	0.0	0	0.0	6	85.7	1	14.3	0	0.0	0	0.0	0	0.0	0	0.0	0	0.0	7	2.6
Jumlah	1	0.4	18	6.8	162	60.9	63	23.7	13	4.9	6	2.3	1	0.4	1	0.4	1	0.4	266	100.0

Jadual 5 pula menunjukkan dari 266 orang graduan yang telah bekerja, peratusan tertinggi menunjukkan seramai 162 orang graduan iaitu bagi julat pendapatan RM1 001- RM1 500

sebulan dengan kadar 60.9%. Julat kedua tertinggi pula adalah bagi julat pendapatan RM1 501 – RM 2 000 sebanyak 23.7%..

Objektif kajian 4: Mengenal pasti berapa bilangan pelajar yang melanjutkan pengajian.

Merujuk Jadual 6 di bawah, kajian mendapati seramai 81 orang (23%) graduan telah melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi. Daripada jumlah itu, sebahagian besar graduan melanjutkan pengajian ke Politeknik dan Kolej Komuniti. Hal ini disebabkan pelajar layak mendapat pindahan kredit bagi sebahagian modul yang diambil ketika di peringkat sijil Kolej Komuniti. Di samping itu, terdapat juga Kolej Komuniti yang menawarkan bidang pengkhususan di peringkat Diploma yang bersesuaian dengan bidang Sijil yang diperoleh.

Jadual 6 Bilangan Responden Yang Melanjutkan Pengajian

Bil.	Program Pengajian	Institusi Melanjutkan Pengajian					Jumlah
		IPTS	Politeknik	Kolej Komuniti	KSM	IPT Lain	
1	SDD	2	4	2	0	2	10
2	SAK	2	9	9	0	0	20
3	SPL	1	9	1	0	0	11
4	SPE	0	11	10	1	2	24
5	SPP	0	10	0	0	2	12
6	SPR	1	3	0	0	0	4
	Jumlah	6	46	22	1	6	81

Objektif kajian 5: Apakah kecenderungan graduan yang melanjutkan pengajian.

Hasil dapatan menunjukkan 78 daripada 81 graduan cenderung memilih menyambung pengajian berkaitan kursus yang sama semasa di Kolej Komuniti sepertimana Jadual 5 di bawah. Ini jelas menunjukkan kursus yang ditawarkan adalah relevan dengan keadaan semasa yang mampu menarik minat pelajar untuk mendapatkan pendidikan yang lebih tinggi.

Jadual 7 Kecenderungan Untuk Melanjutkan Pengajian

Persijilan yang Dianugerahkan	Adakah Anda Melanjutkan Pengajian dalam Bidang yang Sama/Berkaitan dengan Program yang Telah Anda Ikuti Sebelum Ini?			Jumlah
	Ya	Tidak	Tidak Berkenaan	
SDD	10	0	0	10
SAK	18	2	0	20

SPL	11	0	0	11
SPE	24	0	0	24
SPP	12	0	0	12
SPR	3	1	0	4
Jumlah	78	3	0	81

Jadual 7 Kecenderungan Untuk Melanjutkan Pengajian

Persijilan yang Dianugerahkan	Adakah anda melanjutkan pengajian dalam bidang yang sama/berkaitan dengan program yang telah anda ikuti sebelum ini?			Jumlah
	Ya	Tidak	Tidak Berkenaan	
SDD	10	0	0	10
SAK	18	2	0	20
SPL	11	0	0	11
SPE	24	0	0	24
SPP	12	0	0	12
SPR	3	1	0	4
Jumlah	78	3	0	81

Objektif kajian 6: Mengenal pasti apakah tahap kepuasan graduan terhadap aspek perkhidmatan meliputi kurikulum, sistem penilaian, tenaga pengajar, dan kemudahan prasarana.

Jadual 8 Indeks Kepuasan Graduan

Aspek perkhidmatan	Min	Tahap
Kurikulum	4.61	Amat baik
Sistem penilaian	4.78	Amat baik
Tenaga pengajar	4.72	Amat baik
Kemudahan prasarana	4.78	Amat baik
Nilai Min Keseluruhan	4.72	Amat baik

Hasil kajian indeks kepuasan graduan terhadap aspek perkhidmatan mendapati graduan amat berpuas hati dengan semua aspek yang dinilai. Ini dapat dijelaskan melalui Jadual 8 di atas di mana keseluruhan bacaan nilai min menunjukkan tahap yang amat baik.

Kesimpulan

Hasil kajian mendapati Kolej Komuniti Kuala Langat berjaya mengekalkan kadar kebolehpasaran graduan iaitu sebanyak 99% menyamai peratusan yang diperolehi pada 2016. Peratusan graduan yang telah berkerjaya pula didapati meningkat sebanyak 6% kepada 76% berbanding 70%. Bagaimanapun peratusan pelajar yang menyambung pengajian pula mengalami penurunan sebanyak 7% kepada 23% berbanding 30% pada tahun 2016. Secara keseluruhannya, graduan turut amat berpuashati dengan aspek perkhidmatan sepanjang tempoh pengajian mereka di Kolej Komuniti Kuala Langat yang meliputi aspek kurikulum, sistem penilaian, tenaga pengajar dan kemudahan prasarana.

Usaha berterusan perlu dikekalkan melalui penganjuran pelbagai bentuk program dan majlis serta penerapan nilai-nilai keusahawanan dalam membantu pelajar mendapatkan kerjaya mahupun menyambung pengajian. Program berkaitan peluang kerjaya serta keperluan industri mengikut program pengajian penting bagi menyampaikan maklumat dan meningkatkan kesedaran pelajar mengenai destinasi mereka setelah tamat pengajian. Pendedahan berkaitan peluang menyambung pengajian perlulah disampaikan secara efektif kepada pelajar dari awal mereka memulakan pengajian lagi. Ke arah itu, semua pensyarah harus berganding bahu dalam memainkan peranan memupuk minat dan semangat pelajar. Kualiti seseorang pensyarah juga merupakan faktor penting yang menentukan kualiti pelajar yang tamat dari sesuatu institusi pusat pengajian. Pensyarah bukan sahaja bertanggungjawab menjalankan tugas harian di dalam mendidik tetapi segala tingkah laku pensyarah akan menjadi contoh dan teladan kepada pelajar (Nur Zakiah Hani & Masnora 2011). Ini disokong oleh Ismail (2012), yang berpendapat bahawa kualiti graduan bergantung kepada pendidik contoh, bahan rujukan yang digunakan dan persekitaran yang kondusif (infrastruktur, sosialisasi, lokasi dan lain-lain) yang membantu ke arah pembinaan sahsiah terpuji dan pencapaian akademik yang cemerlang. Justeru itu, tugas seorang pensyarah itu merupakan suatu tugas yang besar kerana berperanan mendidik graduan agar menjadi modal insan yang cemerlang yang akan membangunkan ekonomi sesebuah negara.

Di samping itu, pihak pengurusan KKKL turut perlu memastikan semua aspek perkhidmatan berada dalam keadaan yang memuaskan agar proses pembelajaran dapat dijalankan dengan sempurna. Segala permasalahan dan cadangan penambahbaikan perlulah dikenalpasti dengan mengambil tindakan yang sewajarnya..

Rujukan

- BH Online. 2017. Transformasi KPT sejajar Industri 4.0. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2017/11/354387/transformasi-kpt-sejajar-industri-40> [23 November]
- BH Online. 2018. Kadar kebolehpasaran graduan meningkat. Dicapai dari <https://www.bharian.com.my/berita/pendidikan/2018/02/390649/kadar-kebolehpasaran-graduan-meningkat> [20 Februari].
- BH Online 2017 Rombak kurikulum IPT yang jumud. Dicapai dari <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2017/11/356766/rombak-kurikulum-ipt-yang-jumud-idris> [29 November]
- Ismail Jusoh. 2012. *Quality of Education in Human Capital*. Bangi: HALUAN, Malaysia
- Muhammad Hazrul Ismail. 2012. Kajian mengenai kebolehpasaran siswazah di Malaysia: Tinjauan dari perspektif majikan, *Prosiding PERKEM ke-7*: 906-913.
- Noorah Yusof, Zakiah Jamaluddin & Norain Mat Lazim. 2013. Persepsi pelajar prasiswazah terhadap kebolehpasaran graduan dan persaingan dalam pasaran pekerjaan. *Jurnal Personalia Pelajar* 16: 77-92.
- Nur Zakiah Hani Kamarolzaman & Masnora Sepikun. 2011. The effectiveness of teaching among electrical lecturer from not education background. *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 112: 1056-1063.
- Shaharuddin Ahmad, Noraziah Ali & Mohd Fauzi Hamzah. 2011. Kebolehpasaran Graduan UKM: Satu Kajian Perbandingan Antara Graduan Disiplin Sains dengan Bukan Sains. *Jurnal Personalia Pelajar* 14: 81-90.
- Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. *Rancangan Malaysia Kesepuluh 2011-2015*.
- Zaliza Hanapi, Arasinah Kamis, Tee Tze Kiong & Mohd Hasni Hanapi. 2016. Jurang integrasi kemahiran employability di Malaysia: Satu kajian empirikal graduan kejuruteraan Kolej Komuniti. *Geografia: Malaysian Journal of Malaysian and Space* 12(3): 145-153.